

Headline	HERPES jangkitan pasangan		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	15 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	825,000
Page No	E26	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	200 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,756
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,267



HERPES *jangkiti pasangan*

Gelembung, ruam atau kudis boleh berlaku pada anggota kelamin lelaki yang biasanya muncul pada mana-mana bahagian, termasuk dekat pembukaan lubang kencing.

Baru-baru ini, seorang lelaki beritahu, dia mengalami kulit seakan-akan melecur pada lubang zakar dan kini menggelupas. Perkara ini

merisaukannya walaupun selepas mendapat rawatan doktor.

Kesan seakan-akan melecur mungkin jangkitan herpes dan biasanya kudis begitu mengambil masa untuk kering dan pulih.

Jika jangkitan kuman atau kulat lain, tentu rawatan diberi doktor tidak ber-

kesan. Namun, tindakan berjumpa doktor adalah tepat meskipun ragu-ragu dengan jawapan diberi.

Adakala doktor sukar mengenali penyakit sebenar kecuali melalui ujian tertentu. Jangkitan virus herpes boleh diketahui melalui ujian darah. Jika menghadapi jangkitan herpes, penyakit terbabit boleh menjangkiti pasangan.

Ia boleh diketahui jika pasangan mengalami perubahan sama seperti perubahan kulit yang menyebabkan kesakitan, kulit gelembung dan ruam.

Setiap lelaki perlu ada sedikit sebanyak ilmu mengenai penyakit itu supaya tahu apa perlu

dilakukan dalam keadaan tertentu.

Kudis pada anggota kelamin boleh muncul sebagai satu kudis atau berkumpul sebagai beberapa kudis di bahagian sama atau berdekatan.

Ia boleh muncul seperti tanda kemerahan pada kulit atau kulit terasa sengal atau gatal dan kemudian menggelupas atau menggelembung. Jika kudis terkena air akan terasa sakit.

Biasanya, kudis zakar dikaitkan dengan pelbagai jangkitan kuman, virus atau kulat penyakit kelamin kerana hubung kaitnya dengan hubungan kelamin.

Jika kebetulan pesakit itu menghadapi jangkitan

HIV, kesan jangkitan kulit serta kuman virus kepada kulit boleh menjadi lebih ketara dan lebih teruk.

Namun, tidak semua kudis pada anggota kelamin akibat kuman penyakit kelamin. Jika kebetulan lelaki itu mengamalkan seks oral, mungkin gigitan pasangan boleh mencetuskan jangkitan daripada kuman dalam mulut.

Kadangkala, alahan boleh mencetuskan reaksi kepada kulit zakar dan mengakibatkan kulit menggelembung. Jarang kudis terjadi akibat jangkitan penyakit tibi kulit dan kanser kulit.

